

Headline	UTP, FRIM meterai perjanjian kerjasama pulihara spesies terancam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Nov 2013	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	29	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	300 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,945
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,835



UTP, FRIM meterai perjanjian kerjasama pulihara spesies terancam

PARIT 22 Nov. - Universiti Teknologi Petronas (UTP) semalam menandatangani perjanjian persefahaman dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi meningkatkan kerjasama dalam penyelidikan, pembangunan dan pemuliharaan spesies terancam ke arah menggalakkan pengurusan hutan secara lestari.

Kerjasama itu bertujuan membangunkan pengetahuan dan teknologi untuk pemuliharaan, pengurusan, kegunaan sumber hutan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pemindahan teknologi dalam sektor perhutanan.

Kedua-dua pihak juga akan bekerjasama bagi mengembalikan kawasan bekas lombong bijih timah di dalam kampus UTP ke keadaan asal.

Menurut Naib Canselor UTP, Datuk Ir. Abdul Rahim Hashim, fokus utama kerjasama itu adalah memu-

lihara empat spesies pokok hutan diancam kepupusan dalam kawasan kampus universiti tersebut.

Katanya, empat spesies tersebut ialah *vatica flavida* (resak padi), *shorea hemsleyana* (cengal pasir daun besar), *shorea macrantha* (meranti kepong hantu) dan *aquilaria malaccensis* (karas).

"Empat spesies ini dikatakan sebagai khazanah negara dan FRIM banyak membantu kita dengan datang sebulan sekali memeriksa pokok-pokok ini dan pada masa sama, memuliharanya.

"Diharap dengan inisiatif ini, warga UPT akan lebih menghargai kepentingan memulihara spesies terancam dan habitatnya serta usaha memulihkan semula kawasan yang telah merosot," katanya kepada pemberita selepas menandatangani MoU tersebut di sini se-

malam.

Pada majlis tersebut, UTP diwakili Abdul Rahim dan Ketua Pegawai Kewangannya, Hasbullah Ihsan manakala FRIM diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod dan Pegawai Penyelidik Kanan, Bahagian Biodiversiti Hutan institut itu, Dr. Lillian Chua.

Sementara itu, Abdul Latif berkata, penyelidikan pemuliharaan pokok di UTP telah dimulakan sejak 2007 apabila FRIM melaksanakan usaha mengesan spesies pokok dip-
terocarpus semivestitus (keruing padi) yang diancam kepupusan pada tahap kritikal.

Katanya, usaha tersebut turut membawa kepada penemuan tiga lagi spesies terancam iaitu resak padi, cengal pasir daun besar dan meranti kepong hantu di dalam kawasan kampus UTP dan Universiti Teknologi Mara Seri Iskandar.



ABD. Latif Mohmod (kanan) menerangkan mengenai spesies pokok terancam kepada Abdul Rahim Hashim (kiri) dalam majlis menandatangani perjanjian mengenai penjagaan hutan di Universiti Teknologi Petronas, Seri Iskandar, Parit, kelmarin.
- UTUSAN/ROY AZIZ ABD. AZIZ